

# **IMPLIKASI PENGARUH ULAMA TERHADAP HALATUJU PERUBAHAN PEMIKIRAN POLITIK MASYARAKAT ISLAM WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DARI 1950AN HINGGA 1990AN**

Oleh:  
Shukri Ahmad

## **Abstract**

*Islam and Malays are closely related. Some scholars in Malaysia more oftent name Malays as Muslims and vice versa. This is an indication of predominance of Islam in the Malay thought. The centre of the development Muslim thought is the ulama and it could be said that the essence of Malay thought is the ulama themselves. Efforts towards achieving the independence of Malaysia was initiated by them. For instance, the first Malay political party, Hizb al-Muslimin was established by this group. After independence, the political parties, UMNO and PAS, become the backbone of Malay political activities involving also this group. This article examines the effect of their influence in the Malays political thought. Some related contemporary political issues will be highlighted.*

## **PENDAHULUAN**

Ulama merupakan golongan yang berpengetahuan tinggi dalam bidang ilmu agama serta mempunyai beberapa ciri dan kriteria tertentu termasuk boleh menguasai bahasa Arab. Ulama di Tanah Melayu pada abad ke-20 umumnya terdiri daripada kelompok tradisional yang kebanyakannya pernah mendapat pendidikan di Makkah. Mereka juga meliputi ulama non-tradisional yang mendapat pengajian di al-Azhar dan negara-negara lain di Timur Tengah.

Selain kecenderungan menyebarkan dakwah dan ilmu, ulama juga bergiat cergas dalam arena politik tanah air. Antara institusi politik yang dipimpin dan disertai ulama ialah PAS, UMNO dan Parti Keadilan Nasional (PKN). Timbulnya kecenderungan-kecenderungan politik ini adalah berpunca terutama dari latar belakang pengajian agama itu sendiri dan juga suasana politik yang terdapat di Timur Tengah, tempat

kebanyakan ulama memperoleh ilmu. Apabila keadaan kebangkitan Islam bergema awal tahun 1980an, pengaruh ulama dalam politik dicetuskan pula oleh “semangat revolusi Islam di Iran pada tahun 1982.”<sup>1</sup>

Apa yang jelas, tokoh ulama daripada aliran pengajian al-Azhar lebih dominan menguasai pemikiran politik masyarakat Islam pada akhir abad ke-20 meskipun kecenderungan ini lebih dinamik sifatnya. Artikel ini akan memfokuskan aspek implikasi daripada pemikiran ulama kepada perkembangan dan hala tuju pemikiran politik masyarakat Islam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dari 1950an hingga 1990an.

### **IMPLIKASI PENGARUH ULAMA TERHADAP PEMIKIRAN POLITIK MASYARAKAT MELAYU**

Memang diakui bahawa Parti UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 merupakan sebuah parti nasionalisme Melayu yang berjaya mengetuai usaha menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris dan kemudian memimpin tumpuk pemerintahan negara hingga kini. Parti UMNO lebih jelas dipimpin oleh kerabat-kerabat diraja dan juraian datuk-datuk tradisi terutama di awal penubuhannya serta para peniaga Melayu<sup>2</sup> daripada dipimpin oleh golongan agama khususnya ulama. Namun, ketika yang sama ulama tetap berperanan dalam menentukan hala tuju pemikiran politik Melayu sebelum dan selepas merdeka sehingga awal abad ke-21.

Dari sudut sejarah, terdapat dua pertubuhan atau parti politik yang paling dominan dan dapat berterusan menguasai pemikiran masyarakat Melayu-Islam iaitu UMNO dan PAS. Daripada kedua parti politik ini para ulama memainkan peranan walaupun banyak penguasaan dan peranan mereka di dalam parti PAS berbanding UMNO. Ideologi kedua-dua parti tersebut yang nampak berbeza menyebabkan kecenderungan dan pendekatan para ulama yang mendukung perjuangan parti masing-masing juga berbeza.

Harus diakui bahawa ulama turut berperanan besar dalam mencetuskan kesedaran politik umat Islam termasuk di Semenanjung Tanah Melayu. Pondok dan madrasah menjadi medan kebangkitan kesedaran politik ini. Penentangan terhadap Malayan Union disertai oleh para ulama pondok dan madrasah. Misalnya, Abd. Rahman Merbuk, Che Hussein Che Dol dan Yahaya Junid, adalah antara ulama pondok dan

<sup>1</sup> Chandra Muzaffar. *Islamic Resurgence in Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987, 35-36; Alias Mohamad. *PAS Platform, Development and Change 1951-1986*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, 1994, hlm. 189.

<sup>2</sup> Ahmad Kamar. *Malay and Indonesia Leadership: In Perspective*, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 40 dan 44.

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

madrasah bersama-sama dengan orang Melayu seramai 50,000 orang yang turut menyertai perhimpunan menentang Malayan Union di Padang Court, Alor Setar pada 19 Januari 1946.<sup>3</sup> Malah, penubuhan Persatuan Ulama Kedah di Maktab Mahmud juga dilakukan pada petang hari bantahan tersebut.

Seterusnya penubuhan Hizb al-Muslimin di Gunung Semanggol pada 14 Mac 1948 dan parti PAS pada 24 November 1951 merupakan inisiatif dan daya usaha kepimpinan ulama untuk lebih ke hadapan dalam perjuangan politik tanah air. Sementara penubuhan parti PAS adalah susulan pertemuan para ulama yang telah menubuhkan Persatuan Ulama Se-Malaya pada 26 Ogos 1951.<sup>4</sup> Susulan pertemuan ini, pada 24 November 1954, dalam persidangan ulama ketiga yang diadakan di Butterworth, Pulau Pinang, Muhammad Ma'sum dari *Jama'ah Masjid*, Telaga Air, Butterworth mencadangkan supaya persatuan ini ditukar menjadi Persatuan Islam Se Malaya.<sup>5</sup> Kemudian pada tahun 1958, nama persatuan ini ditukarkan pula kepada Persatuan Islam Se-Tanah Melayu sebelum sekali lagi ditukar pada tahun 1971 kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS).<sup>6</sup> Suasana ini membuktikan penglibatan ulama dalam kepelbagaian isu-isu politik negara.

## PENGARUH ULAMA DALAM POLITIK PAS, 1955-1989

Penglibatan dan komitmen para ulama dalam parti PAS agak ketara sejak awal penubuhannya berikutan kesemua ahli jawatankuasa tertingginya yang dipilih pada 24 November 1954 tersebut terdiri daripada tokoh-tokoh agama. Hal dominasi para ulama ini tidak menghairankan jika dilihat kepada dasar perjuangan parti PAS itu yang memaktubkan matlamatnya “berikhtiar melaksanakan hukum-hukum Islam,”<sup>7</sup> bertujuan untuk “menegakkan sebuah negara Islam berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah.”<sup>8</sup>

<sup>3</sup> Fisol Hussein, Haji Hussain Che' Dol (1904-1967) Sebagai Tokoh Agama dan Politik Melayu Kedah, dalam *Lindungan Bulan, Jurnal Sejarah Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Vol. 9, Bil 1, November 1981, hlm. 27.

<sup>4</sup> Yusuf Harun (1986). *Dialog Dengan Pemimpin*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, 1986, hlm. 377; Safie Ibrahim. *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative, Stages and Ideology*, Pasir Putih Kelantan, Penerbitan Nuawi Ismail, 1981, hlm. 18-19; Alias, *op.cit.*, hlm. 26.

<sup>5</sup> Safie, *ibid.*, hlm. 26.

<sup>6</sup> Safie, *ibid.*, hlm. 63.

<sup>7</sup> *Qalam*, Januari, 1953

<sup>8</sup> Safie, *op.cit.*, 1981, hlm. 56.

Peletakan dasar perjuangan Islam ini adalah cukup penting kepada para ulama kerana mereka boleh merealisasikan *weltanschung* Islam, apatah lagi apabila mendapat kekuatan pengaruh perjuangan Islam di Timur Tengah dan Parti Masjumi di Indonesia.<sup>9</sup>

Kemasukan Burhanuddin al-Helmy (1911-1969) ke dalam parti PAS pada 14 Disember 1956 memantapkan keberkesanan pengaruh kepimpinan ulama terhadap parti PAS. Dalam Muktamar tahunan PAS yang diadakan di Kuala Lumpur pada 23-25 Disember 1956, Burhanuddin telah dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Kemasukan Burhanuddin ke dalam PAS ternyata telah dapat membangkitkan semangat perjuangan di kalangan pemimpin dan anggota parti ini. Burhanuddin merupakan seorang pemimpin yang berpengalaman dan berpengaruh dalam pelbagai pertubuhan Melayu. Beliau pernah terlibat dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diasaskan oleh Ibrahim Yaakub, menjadi Timbalan Presiden Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM atau MNP) yang dibentuk oleh Mokhtaruddin Lasso, terlibat dalam pertubuhan-pertubuhan Islam seperti MATA (Majlis Agama Tertinggi Malaya, LEPIR (Lembaga Pendidikan Rakyat) dan juga terlibat dalam parti Hizb al-Muslimin yang diasaskan oleh Abu Bakar al-Baqir di Gunung Semanggol.<sup>10</sup>

Semasa memimpin parti PAS, Burhanuddin telah menggabungkan suatu pemikiran bersepadan antara sentimen nasionalisme Melayu dengan fahaman politik Islam.<sup>11</sup> Pada pandangan beliau, kebangsaan Melayu mesti menjadi jiwa dan asas negara kebangsaan Melayu yang negara tersebut mesti diperintah secara adil untuk semua golongan. Burhanuddin berusaha mencetuskan sentimen nasionalisme Melayu yang digarap bersama dengan inspirasi agama, bertujuan untuk mempertahankan dasar-dasar Islam mengikut al-Qur'an dan Sunnah. Demikian juga, ucapan-ucapan dan penulisan-penulisan beliau banyak berkisar mengenai isu-isu Islam dan nasionalisme. Misalnya, dalam buku *Perjuangan Kita*, beliau menekankan "semangat kebangsaan yang perlu dibangunkan menerusi kekuatan iman".

Selain Burhanuddin, terdapat seorang tokoh ulama yang menjadi pemimpin tertinggi parti PAS dan hidup sezaman dengan Burhanuddin iaitu Zulkefli Muhammad (1927-1964) yang pernah menjadi Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu di Mesir antara tahun 1949-1950.

<sup>9</sup> Alias, *op.cit.*, hlm. 8-9.

<sup>10</sup> Firdaus Hj. Abdullah, *Radical Malay Politics, Its Origin and Early Development*, Petaling Jaya: Pelandok Publications (M) Sdn. Bhd, 1985, hlm. 42-43; Alias, *ibid.*, hlm. 66.

<sup>11</sup> Ibrahim, 1989: 52.

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

Kedua-dua tokoh sama ada Burhanuddin al-Helmy mahu pun Zulkefli Muhammad, telah menggunakan corak kepimpinan menggabungkan perjuangan politik Islam dengan perjuangan nasionalisme Melayu.<sup>12</sup> Corak kepimpinan ini berpunca daripada suasana perkembangan politik yang ketika itu sedang berada dalam proses ‘mengisi kemerdekaan.’ Keadaan ini tentu memerlukan kedua-duanya memusatkan perhatian berjuang untuk membela kepentingan bangsa Melayu yang secara kebetulan jauh tercicir dalam semua lapangan kehidupan. Perjuangan membela kepentingan bangsa Melayu secara tidak langsung adalah juga membela kepentingan dan martabat agama Islam itu sendiri. Zulkefli misalnya, dalam artikel “Rancangan Perjuangan PAS” yang disusun dalam buku *PAS dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, menyatakan bahawa orang Melayu merupakan tuan punya negeri yang hampir keseluruhannya adalah beragama Islam. Sudah tentu perjuangan pada peringkat ini (awal kemerdekaan) dilakukan atas nama kebangsaan atau atas nama Melayu. Apabila kedudukan, taraf, hak atau kepentingan orang Melayu dapat dipertahankan dan diselamatkan, dengan sendirinya taraf dan kedudukan Islam dapat dipertahankan, sebab Islam dan orang Melayu adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan.<sup>13</sup>

Karisma kepimpinan, keintelektualan dan kematangan berpolitik kedua-dua pemimpin ini menyebabkan PAS berjaya mengembangkan pengaruh khususnya di kawasan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Misalnya, pencapaian undi yang diperoleh PAS di dalam pilihan raya tahun 1959 dan 1969 telah bertambah. Dalam pilihan raya tahun 1959, PAS memenangi 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 13 kerusi Parlimen. Sementara tahun 1964, PAS memenangi 25 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 9 kerusi Parlimen (Lihat Jadual 1). Dalam pilihan raya tahun 1959, PAS memperoleh jumlah keseluruhan undi sebanyak 45,979 (23.6%) berbanding dengan parti perikatan yang memperoleh 138,560 undi (71.7%) daripada jumlah keseluruhan undi sebanyak 202,825 pengundi. Tetapi pada pilihan raya tahun 1969, PAS memenangi 40 kerusi DUN dan 12 kerusi Parlimen. Jika ditinjau secara keseluruhan, PAS memperoleh 41.55% undi untuk DUN dan 44.06% bagi kerusi Parlimen. Ini menampakkan penambahan yang tinggi berbanding tahun 1959 (23.6%) dan 1964 (25.21%).<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Ibrahim, *ibid.*, 1989, hlm. 53.

<sup>13</sup> Zulkefli Muhammad “Rancangan Perjuangan PAS” dalam *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Shah Alam, Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd, 1999, hlm. 121.

<sup>14</sup> Mahadzir Mohamad Khir (1980). “The Kedah UMNO - PAS Struggle, Its Origin and Development,” dalam *Southeast Asian Affairs 1980*, (ed: Leo Suryadinata) Singapore: Institute of Southeast Asian Studies Heinmann Asia, 1980, hlm. 229, 232.

**Jadual 1**

**Kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang dimenangi PAS  
tahun 1959, 1964 dan 1969**

Negeri	1959		1964		1969	
Kedah	1 (N)	-	-		8 (N)	3 (P)
Kelantan	28 (N)	9 (P)	21 (N)	8 (P)	19 (N)	6 (P)
Perak	1 (N)	-	-		1 (N)	1 (P)
Perlis	-		1 (N)		1 (N)	1 (P)
Terengganu	13 (N)	4 (P)	3 (N)	1 (P)	11 (N)	2 (P)

(N): Negeri (P): Parlimen

Jumlah keseluruhan kerusi Parliment dan Negeri yang dimenangi oleh PAS 1959  
 $= 43 (13) \quad 1964 = 25 (9) \quad 1969 = 40 (12)$

Sumber: (Alias Mohamad, 1994)

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan pengaruh PAS masih tidak mampu mengatasi pengaruh UMNO di seluruh negara termasuk di kawasan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Namun ini bukan disebabkan oleh kegagalan dua tokoh ulama tersebut memimpin parti politik, sebaliknya lebih disebabkan oleh kekuatan dan keutuhan UMNO; di samping kesan ideologi penjajahan British sejak sekian lama. Sebenarnya, penjajahan bukan sahaja terbatas kepada penjajahan politik dan ekonomi malah juga penjajahan pemikiran yang memang disengaja dan direncanakan dengan sistematik,<sup>15</sup> melalui penerapan faham sekularisme<sup>16</sup> yang akhirnya menyebabkan masyarakat Islam mengalami *westernisasi* dan *deislamisasi* sekali gus.<sup>17</sup> Sebaliknya corak kepimpinan politik Islam yang diperkenalkan oleh ulama PAS masih boleh dianggap asing. Tambahan pula, dengan suasana parti UMNO yang dipimpin oleh kerabat-kerabat diraja, juraian datuk-datuk tradisi terutama di awal penubuhannya dan

<sup>15</sup> Sidiq Fadil, (1979). "Islam Sebagai ad-Din - Perbicaraan dalam Konteks Permasalahan Kini" *Kertas kerja Seminar Belia Islam*, Kuching Sarawak, 1979, hlm. 10.

<sup>16</sup> Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm. 13; Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 40.

<sup>17</sup> Siddiq, *op.cit.*, 1979, hlm. 7.

Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia oleh para peniaga Melayu<sup>18</sup> maka UMNO lebih berjaya menjadi wadah dalam memperjuangkan isu ekonomi dan politik Melayu ketika itu.

Apa pun, pilihanraya antara tahun 1956 hingga 1969, merupakan tahap pencapaian cukup cemerlang bagi PAS yang ketika itu dipimpin oleh ulama (Lihat Jadual 2). Ini juga membuktikan bahawa pengaruh kepimpinan kedua-dua tokoh ulama di atas adalah besar dalam tempoh tersebut. Keadaan ini telah menjadikan PAS sebuah parti yang berwibawa dan dihormati. Ketika kedua-duanya menjadi ahli Parlimen, mereka berdua mendapat penghormatan dari anggota Parlimen yang lain kerana kewibawaan dan kebolehan mereka “berpidato yang telah disampaikan dengan penuh keyakinan dan berilmu.”<sup>19</sup> Sesudah meninggal dua tokoh penting ini, meskipun PAS nampak bertambah kuat terutama pada pilihan raya tahun 1969 tetapi pada segi mutu kepimpinan PAS, nampak merosot.<sup>20</sup> Kenyataan ini boleh dikatakan benar terutama jika dibandingkan mutu kepimpinan khususnya pada sudut keintelektualan, penulisan karya, cetusan idea dan beberapa ciri sifat-sifat mulia. Jelas, bahawa kepimpinan Burhanuddin dan Zulkefli sukar ditandingi oleh pemimpin, baik tentang istiqamah dan takwa mahu pun tentang rendah diri yang amat mulia.<sup>21</sup> Sehinggahal menjelang pilihanraya 1999, PAS yang mendakwa melaksanakan kepimpinan ulama kembali berpengaruh (Lihat jadual 2).

#### Jadual 2

**Jumlah Kerusi Dewan Rakyat/Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh PAS dan Perikatan/BN dari Tahun 1959 hingga 1999**

Parti	1959	1964	1969	1974	1978	1982	1986	1990	1995	1999
Perikatan/BN(N)	74	89	74	135	130	132	148	127	162	148
	207	240	182	313	240	281	299	253	338	281
PAS (P)	13	9	12	BN	5	5	1	7	7	27
(N)	42	25	40		9	18	15	33	33	98

P: Parlimen N: Negeri

Sumber: (Kamarudin Jaffar, 2000: 31; Analisis Pilihan Raya ke 10, 1999)

<sup>18</sup> Ahmad Kamar, *op.cit.*, 1984, hlm. 40 dan 44.

<sup>19</sup> Firdaus Hj. Abdullah, *Radical Malay Politics, Its Origin and Early Development*, Petaling Jaya: Pelandok Publications (M) Sdn. Bhd, 1985, hlm. 152; Alias,*op.cit.*, 1994, hlm. 90.

<sup>20</sup> Ibrahim, *op.cit.*, 1989, hlm. 54.

<sup>21</sup> Ahmad Kamar, *op.cit.*, 1980, hlm. 32.

Senario kepimpinan parti PAS selepas Burhanuddin al-Helmy diteruskan oleh Mohammad Asri Muda (1962-1982). Asri dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS pada tahun 1965 dan telah dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS pada tahun 1971 sehingga ke tahun 1982 apabila dalam Muktamar Agong PAS pada 23 Oktober beliau mengumumkan peletakan jawatan.<sup>22</sup>

Antara keputusan politik beliau yang paling drastik ketika memimpin PAS ialah memberi persetujuan untuk bergabung dengan UMNO pada tahun 1974 bagi membentuk parti BN. Memang diakui juga bahawa keputusan beliau itu telah menyebabkan suasana politik Melayu agak tenang. Kershaw menyebutkan keadaan ini sebagai:

“A decline of ideological conflict among Malays ...at elite level and below - (enabling) UMNO’s acceptance of a much more vigorous tactical programme to deal with Malay backwardness.”<sup>23</sup>

Keputusan Asri menyertai BN dibuat setelah mengambil kira peristiwa rusuhan kaum tahun 1969 dan atas kepentingan perpaduan serta masa depan masyarakat Melayu. Asri membuat perkiraan politik yang bersifat nasionalisme daripada mengutamakan agenda politik PAS sendiri iaitu untuk menegakkan sebuah negara Islam.<sup>24</sup> Tindakan yang diambilnya itu menyebabkan perpaduan dalam PAS sendiri terpaksa dikorbankan. Perhimpunan agung luar biasa pada tahun 1972 yang membahaskan kemasukan PAS dalam Barisan Nasional membuktikan bahawa parti tersebut mula berhadapan dengan perpecahan. Seramai 190 orang perwakilan menyokong gabungan ini, sementara 84 menentang, 19 berkecuali dan 30 tidak hadir.<sup>25</sup> Angka ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada ahli PAS berbeza pendapat dengan keputusan kepimpinan parti. Episod perpecahan ini semakin ketara apabila beberapa pemimpin PAS telah dipecat kerana membantah gabungan ini termasuk pemimpin tertinggi PAS iaitu Abu Bakar Hamzah pada 26 April 1974.<sup>26</sup> Dilema ini turut mempengaruhi pemikiran ulama yang menganggotai PAS ketika itu.

<sup>22</sup> Alias, *op.cit.*, 1994 hlm. 98 dan 181.

<sup>23</sup> Kershaw, Roger, “National and local Perspectives of a Non-Ideological Election: West Malaysia, August 1974 (with special reference to Kelantan)” *Politics, Society and Economy in the ASEAN States*, Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1975, hlm. 293.

<sup>24</sup> Mauzy, Diane K, R.S. Milne, “The Mahathir Administration: Discipline Through Islam”, dalam *Readings in Malaysian Politics*, (ed: Bruce Gale) Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 96; Ibrahim, *op.cit.*, 1989, hlm. 54.

<sup>25</sup> Alias Mohamed, *Malaysia’s Islamic Opposition, PAS, Represent and Future*, Kuala Lumpur: Gateaway Publishing House, 1991 hlm. 34.

<sup>26</sup> Muhd. Zali Shaari, *Biografi Ustaz Abu Bakar Hamzah*, Kuala Lumpur: Media Cendekian Sdn. Bhd, 1992, hlm. 64-65.

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

Sememangnya, kemasukan PAS dalam Barisan Nasional pada tahun 1974, jika ditinjau dari suatu sudut pandangan positif telah memberi peluang kepada PAS untuk membawa masuk agenda Islamnya ke dalam pentadbiran kerajaan. Hal ini telah dilakukan terutama di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan, anggota tentera dan juga di institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, pada sudut yang lain, PAS seolah-olah terpaksa akur bahawa parti itu lebih banyak ‘tenggelam dalam Barisan Nasional’. Ini akhirnya terpaksa mengorbankan cita-cita dan agenda politik negara Islamnya. Masyarakat Melayu yang mendukung perjuangan PAS meneliti perkembangan ini dan menilai PAS serupa dengan UMNO dalam menangani isu orang Melayu dan Islam.<sup>27</sup> Malah mereka menganggap PAS sudah tidak lagi menepati kehendak dan idea sebuah pergerakan Islam.<sup>28</sup>

Lebih meyakinkan ‘tenggelamnya’ PAS di dalam Barisan Nasional ialah apabila beberapa pemimpin PAS sendiri yang bukan ulama tidak lagi memaparkan keperibadian Islam seperti yang diperjuangkan apabila turut mengutamakan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan politik seperti dalam isu pembalakan di Kelantan.<sup>29</sup> Isu tanah untuk projek tanaman tebu gula sebanyak 40,000 ekar, isu tanah pembalakan seluas 200,000 ekar di Dabung-Jeli, Kelantan dan masalah kegagalan sembilan syarikat untuk membayar royalti tahunan yang mencecah 869,625.49 ringgit hingga akhir tahun 1971 kepada kerajaan negeri Kelantan di bawah PAS ketika itu menjelaskan reputasi kepimpinan PAS terutama Asri.<sup>30</sup>

Perasaan tidak puas hati di kalangan ulama dan ahli PAS di beberapa buah negeri meningkat terutama di Kedah, Terengganu, bahkan juga di Johor dan Perak. Para pemimpin PAS peringkat kawasan dan negeri di Kedah dan Terengganu berpendapat bahawa jika PAS bersendirian dalam pilihan raya, PAS tentu boleh memimpin keperibadian masyarakat ke arah lebih baik di samping mungkin akan mendapat lebih banyak kerusi Parlimen. Sementara pemimpin-pemimpin PAS di Johor dan Perak merasakan bahawa usaha-usaha untuk membuka cawangan-cawangan baru sering dihalang oleh ahli UMNO.<sup>31</sup> Keadaan ini di samping menimbulkan rasa tidak puas hati

---

<sup>27</sup> Ibrahim, *op.cit.*, 1989 hlm. 54.

<sup>28</sup> Mohammad Abu Bakar, “Kebangkitan Islam dan Proses Politik Malaysia”, *Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur, 8-9 September 1979, hlm. 25.

<sup>29</sup> Tunku Abdul Rahman, *Contemporary Issues in Malaysian Politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1984, hlm. 178-179.

<sup>30</sup> Alias, *op.cit.*, 1991, hlm. 66.

<sup>31</sup> Ismail Kassim, *Race, Politics and Moderation*, Singapore: Times Books International, 1979, hlm. 20.

ahli PAS terhadap kepimpinan UMNO juga menimbulkan rasa kurang yakin ahli kepada pemimpin PAS sendiri.

Akibatnya, dalam tempoh penggabungan itu PAS mengalami pengurangan sokongan daripada masyarakat Islam. Malahan, masyarakat Islam yang bercita-cita mahu meneruskan agenda menegakkan negara Islam telah berpaling daripada menyokong PAS dan memasuki sebuah organisasi Islam baru bernama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan pada 8 Ogos 1971. Dianggarkan sekitar 8,000 ahli PAS telah menyertai ABIM sekitar tahun 1974-1976.<sup>32</sup>

Oleh kerana sikap ABIM ketika itu yang lebih bersikap menonjolkan idealisme negara Islam, menentang faham modenisme dan sekularisme,<sup>33</sup> maka wujud di kalangan ahli dan pemimpin PAS sendiri yang memberi sokongan kepada ABIM, menghadiri perhimpunan tahunan dan perhimpunan umum ABIM. Malah, terdapat pemimpin PAS yang memuji pemimpin ABIM.<sup>34</sup> Hal ini menggambarkan sikap sebahagian pemimpin PAS sendiri yang mengutamakan ABIM berbanding PAS sendiri.

Kesan ‘tenggelam PAS dalam UMNO’ terserlah selepas PAS dipecat daripada Barisan Nasional pada tahun 1977, yang mengakibatkan parti ini menerima kekalahan yang besar dalam pilihan raya tahun 1978. Pada pilihan raya itu, daripada 88 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, PAS hanya menang 5 kerusi Parlimen dan 7 kerusi Dewan Undangan Negeri. 2 daripada kerusi Parlimen itu ialah di Kelantan, 2 di Kedah dan 1 di Pahang. Kerusi Parlimen di Kedah, dimenangi oleh Abu Bakar Umar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS yang menang di Parlimen Kota Setar. Manakala Asri sendiri kalah di Padang Terap kepada Syed Ahmad Shahabuddin. (Lihat Jadual 3). Secara umum, PAS hanya memperoleh 17.1% undi bagi seluruh kawasan Parlimen di Tanah Melayu yang secara praktikal hampir kesemua yang mengundi PAS adalah Melayu.<sup>35</sup>

Meskipun dalam pilihan raya 1978 pemimpin-pemimpin ABIM sudah berkempen dan menjadi calon PAS,<sup>36</sup> namun kerjasama ini masih belum mampu memenangkan PAS; malah PAS masih tidak berupaya menawan kembali kawasan-kawasan Parlimen yang pernah dimenangi parti itu sebelum penggabungan PAS dalam

<sup>32</sup> Hussein, *op.cit.*, 1988 hlm. 154.

<sup>33</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 271.

<sup>34</sup> Hussein, *op.cit.*, 1988, hlm. 193.

<sup>35</sup> Ismail, *op.cit.*, 1979, hlm. 104.

<sup>36</sup> Badlihisham Mohd. Nasir, “Islamic Movements in Malaysia: A Change and Challenge in the Post Islamic Resurgence Period” dalam *Hamard Islamicus*, Vol. XXII, No. 1, 1999, hlm. 30.

Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, yang nyata pada pilihan raya ini hingga tahun 1981 hubungan antara ABIM dan PAS adalah amat kukuh.

**Jadual 3**

**Keputusan Pilihan Raya Tahun 1978, Semenanjung Tanah Melayu**

Negeri	BN	DAP	PAS	Ind.	BERJASA
<b>DEWAN NEGERI</b>					
Perlis	12	-	-	-	-
Terengganu	28	-	-	-	-
Pulau Pinang	20	5	1	1	-
Kedah	19	-	7	-	-
Perak	32	9	1	-	-
Melaka	16	4	-	-	-
Selangor	28	3	-	1	-
Pahang	32	-	-	-	-
Negeri Sembilan	21	3	-	-	-
Johor	31	1	-	-	-
Kelantan	23	-	2	1	11
<b>DEWAN RAKYAT</b>	<b>98</b>	<b>15</b>	<b>5</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Sumber: (Alias Mohamad, 1994: 177; Ismail Kasim, 1979: 71)

Namun demikian, pilihan raya tahun 1978 boleh disifatkan sebagai tempoh berlaku perubahan paradigma pemikiran di kalangan pemimpin-pemimpin muda dalam PAS yang terdiri daripada ulama muda berkelulusan al-Azhar. Mereka mula mengetepikan corak dan pendekatan menonjolkan nasionalisme Melayu dalam kempen pilihanraya. Sebaliknya mereka sudah mula menekankan isu-isu fikrah Islam dan sentimen kebangkitan Islam. Ulama muda PAS dalam era ini kembali menonjolkan slogan perjuangan parti itu ke arah pembentukan sebuah negara Islam, memperjuangkan identiti Islam tanpa mengira keturunan bangsa dan ingin menghidupkan kesedaran Islam yang tulen.<sup>37</sup> Sememangnya kemunculan ABIM

<sup>37</sup> Abdul Ghani Ismail, *Muzakarah UMNO dan PAS*, Kuala Lumpur: Pustaka Islam Sdn. Bhd, 1987, 19; Means, *op.cit.*, 1991, hlm. 67.

sebagai pihak bersimpati telah juga mendorong kemasukan pemimpin-pemimpin ABIM ke dalam PAS seterusnya mula membuat pembaikan semula dalam pendekatan serta program-program parti itu.

Akhir tahun 1970an, kepimpinan Asri mula dikritik hebat. Dia dipersalahkan kerana bertanggungjawab membawa PAS memasuki Barisan Nasional dan kemudiannya gagal mendesak Barisan Nasional melaksanakan undang-undang Islam dalam pentadbiran. Pendekatan *status quo* nasionalisme Melayu yang digunakan oleh Asri dianggap sudah tidak relevan lagi. Natijahnya, dalam Muktamar Agung PAS pada 23 Oktober 1982, Asri membuat keputusan meletak jawatan bersama-sama kumpulan 13 yang terdiri daripada Abu Bakar Umar, (Timbalan Yang Dipertua), Hassan Muhamad, Wan Ismail Wan Ibrahim, Wahab Yunus, Ahmad Shukri, Harun Jusuh, Ramli Abdullah dan Ahmad Long. Kemudian, pada 23 Mac 1983, beliau menubuhkan parti HAMIM.<sup>38</sup>

Peletakan jawatan Asri membolehkan Yusuf Rawa, seorang tokoh ulama dari Pulau Pinang dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Yusuf melakukan agenda pertama dengan merombak semula Majlis Ulama PAS supaya berfungsi sebagai suatu biro yang berkuasa menasihatkan parti, di samping memutuskan hal-hal berkaitan agama. Pelantikan Yusuf ini menandakan bermulanya pengisytiharan era kepimpinan ulama dalam PAS. Penumpuan mula diberikan untuk membuat pembaharuan dalam PAS ke arah membentuk imej PAS sebagai sebuah gerakan Islam. Misalnya, dalam ucapan dasar di Muktamar Agung PAS ke 33, beliau berucap mengenai *tajdid hadari* iaitu suatu gerakan untuk membangunkan semula tamadun yang luhur. Sebenarnya, konsep *tajdid hadari* ini merupakan suatu idea pemikiran dari pemikir gerakan Islam seperti Sayyid Abu 'Ala al-Maududi.

Agenda menjadikan PAS sebagai sebuah gerakan Islam diteruskan oleh Fadzil Nor yang dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS pada tahun 1989 menggantikan Yusuf Rawa dan ini juga menandakan bermula era penguasaan kepimpinan ulama al-Azhar untuk menerajui kepimpinan parti PAS.

## ERA KEPIMPINAN ULAMA AL-AZHAR DALAM PAS TAHUN 1989-1999

Apabila Fadzil Nor menjadi Presiden, bermulalah suatu usaha bersungguh-sungguh untuk memaparkan kepimpinan ulama dalam parti ini. Pada awal kepimpinan Fadzil Nor iaitu antara tahun 1990 hingga 1995, tidak banyak perubahan pengaruh politik yang diperoleh oleh PAS. Namun, pada sudut organisasi PAS sendiri, sudah wujud perubahan-perubahan. Fadzil semakin banyak memberi penekanan untuk membina

<sup>38</sup> Alias, *op.cit.*, 1994, him. 181.

kekuatan dalam dengan meluaskan lagi pemahaman Islam kepada ahli-ahli PAS dan menyusun organisasi parti.<sup>39</sup> Buku-buku mengenai gerakan Islam yang ditulis oleh pemimpin-pemimpin gerakan Islam termasuk pemimpin Ikhwan al-Muslimin dan pemimpin Jama'at Islami, Pakistan dijadikan teks usrah dan dibaca dalam usrah kepimpinan PAS.

Dalam pada itu, beberapa usaha dilakukannya untuk mendekatkan lagi hubungan antara pertubuhan dan gerakan Islam seluruh dunia dengan PAS. Misalnya, Ijtimā' Antarabangsa Perpaduan Ummah kali ke-2 di Terengganu pada 30-31 Ogos 1993 telah dihadiri oleh 300 orang pemimpin gerakan Islam seluruh dunia. Antara pemimpin utama yang hadir ialah Mustafa Masyhur, mewakili Ikhwan al-Muslimin dan Khalil Ahmad al-Hamidi, mewakili Jami'at Islami, Pakistan.<sup>40</sup>

Inspirasi untuk mendekatkan PAS dengan gerakan Islam lain seluruh dunia adalah bertujuan membina imej PAS sebagai sebuah gerakan Islam. Fadzil yang pernah menjawat jawatan Timbalan Presiden ABIM pada tahun 1974 telah banyak terdedah kepada pelbagai gerakan Islam. Bahkan beliau juga pernah menjadi pemangku Presiden ABIM dari tahun 1974 hingga 1977<sup>41</sup> ketika Anwar Ibrahim berada di dalam tahanan di Kemunting kerana terbabit dalam demonstrasi Petani di Baling pada 19-30 November 1974 dan demonstrasi pelajar di Kuala Lumpur pada 3-8 Disember 1974.<sup>42</sup> Ini bermakna beliau telah mendapat pendedahan yang luas mengenai gerakan Islam di peringkat antarabangsa. Beliau tentunya mahu mengembangkan imej ini ke dalam PAS. Kerana itu adalah tidak keterlaluan untuk diakui bahawa pendekatan ABIM juga digunakan oleh Fadzil Nor di dalam PAS terutama mengenai aspek tarbiyah ini.

Selain beliau, Abdul Hadi Awang yang menyertai PAS pada 1978 dan dilantik Timbalan Presiden PAS tahun 1989 juga adalah bekas Yang Dipertua ABIM Terengganu. Hal keadaan kedua-dua bekas pemimpin ABIM ini membuktikan bahawa kedua-duanya telah mendapat pendedahan luas cara memimpin sebuah pertubuhan Islam dan mendorong mereka melakukan pembangunan tarbiyah secara lebih komprehensif di dalam parti PAS.

<sup>39</sup> Chamil Wariya, *Pandangan Politik Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1990, hlm. 195.

<sup>40</sup> *Harakah*, 27 Ogos, 1993.

<sup>41</sup> Hussein, *op.cit.*, 1988, hlm. 309.

<sup>42</sup> Abdul Rahman, *op.cit.*, 1998, hlm. 228

### a. Prestasi Keseluruhan Pilihan Raya 1999

Prestasi pilihan raya ke-9 tahun 1995 tidak membawa banyak kejayaan kepada PAS. Tidak banyak isu yang dapat dieksloitasi PAS dalam pilihanraya tersebut berbanding pilihanraya 1999. Dalam pilihan raya ini PAS masih meneruskan pendekatan kerjasama dengan Parti Semangat 46 seperti pada pilihan raya 1990. Daripada keseluruhan negeri yang dipertandingkan PAS hanya memenangi 7 Parlimen dan 33 kerusi DUN. Negeri-negeri yang banyak memberikan kerusi ialah Kelantan (6 Parlimen dan 24 DUN) dan Terengganu (1 Parlimen dan 7 DUN), sementara di Kedah PAS hanya memenangi 2 DUN dan 1 Parlimen di Perlis (pilihan raya tahun 1997) (Lihat Jadual 4).

**Jadual 4**  
**Kedudukan Kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) dan**  
**Dewan-Dewan Undangan Negeri yang dimenangi PAS tahun 1995**

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kerusi</b>		<b>BN</b>		<b>PAS</b>	
	<b>P</b>	<b>DUN</b>	<b>P</b>	<b>DUN</b>	<b>P</b>	<b>DUN</b>
Perlis	3	15	2	15	1	-
Kedah	15	36	15	34		2
Kelantan	14	43	2	7	6	24
Terengganu	8	32	7	23	1	7
Pulau Pinang	11	33	8	32		
Perak	23	52	23	51		
Pahang	11	38	11	37		
Selangor	17	48	17	45		
Wilayah Persekutuan	10	-	6	-		
Negeri Sembilan	7	32	7	30		
Melaka	5	25	4	22		
Johor	20	40	20	40		
Labuan	1	-	1	-		
Sabah	20	-	13	-		
Sarawak	27	-	28	-		
Jumlah	192	394	162	338	7	33

Sumber: (New Straits Times, 25 April 1995; Media CBS, 23 November 1999)

Sementara keputusan pilihan raya umum ke 10, yang diadakan pada tahun 1999 menunjukkan suatu arah baru dalam aliran perkembangan pemikiran politik di negara ini terutama dalam konteks orang Melayu yang menyokong PAS. Berita Harian 4 Disember 1999 dalam suatu artikel menulis bahawa "Barisan Nasional (BN) menang tetapi UMNO dikatakan tewas."<sup>43</sup> Perbandingan undi antara keputusan pilihan raya

<sup>43</sup> Berita Harian, 4 Disember 1999.

Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

kali ke-9 pada tahun 1995 dengan pilihanraya kali ke-10 pada tahun 1999 memperlihatkan suatu perubahan besar dan drastik sekali yang secara langsung menggambarkan arah pemikiran politik rakyat keseluruhannya. UMNO yang selama ini mewakili orang Melayu telah nampak terhakis pengaruhnya. Pada pilihan raya ke-10, 19 kerusi Parlimen yang selama ini dikuasai UMNO dirampas oleh PAS. Manakala sebahagian yang lain ada yang dimenangi dengan majoriti yang rendah.

Pecahan kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri antara PAS dan UNMO menunjukkan penurunan sokongan UMNO dan penambahan sokongan pengundi terhadap PAS (Lihat Jadual 5). Pecahan undi popular setiap parti juga menunjukkan bahawa UMNO dan parti komponen BN memperoleh 3,772,931 undi (56.5%) di peringkat Parlimen dan 2,941,812 (57.0%) di peringkat negeri. Manakala PAS memperoleh 1,075,491 (16.1%) di peringkat Parlimen dan 1,336,742 (25.9%) di peringkat negeri. Pecahan undi popular mengikut negeri pula menunjukkan undi popular PAS meningkat daripada 7.57% pada tahun 1995 kepada 15.07% pada tahun 1999 terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah (Berita Harian, 1 Disember 1999). Ini bermakna undi orang Melayu banyak beralih daripada menyokong UMNO kepada menyokong PAS dalam pilihanraya tersebut.

**Jadual 5**  
**Pecahan Kerusi Parlimen dan Kerusi Dewan Undangan Negeri**  
**antara PAS dan UMNO dalam Pilihanraya Umum 1999**

Negeri	UMNO		UMNO		PAS		PAS	
	1995 (P)	1999 (P)	1995 (N)	1999 (N)	1995 (P)	1999 (N)	1995 (P)	1999 (N)
	103	104	275	275	46	63	178	238
Perlis	3	3	13	10	0	0	0	3
Kedah	13	5	26	16	0	8	2	12
Kelantan	2	1	7	2	6	10	24	41
Terengganu	7	0	24	4	1	7	7	28
Pulau Pinang	4	3	12	10	0	0	0	6
Perak	11	9	30	26	0	2	0	3
Pahang	8	8	28	21	0	0	0	6
Selangor	8	8	30	26	0	0	0	4
N. Sembilan	4	4	20	20	0	0	0	0
Melaka	3	3	16	16	0	0	0	0
Johor	13	13	25	25	0	0	0	0
K. Lumpur	3	3	-	-	0	0	-	-
Labuan	1	1	-	-	-	-	-	-
Sabah	11	11	-	-	0	0	0	0
Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	91	72	231	176	7	27	33	98

P: Parlimen N: Negeri

Sumber (Berita Harian: 2 Disember 1999)

Bilangan kerusi Parlimen yang dimenangi Barisan Nasional berkurang daripada 162 kepada 148 atau berkurang hampir 9%. UMNO sendiri telah kehilangan sebanyak 19 kerusi Parlimen, iaitu daripada 91 dalam pilihanraya 1995 kepada 72 kerusi dalam pilihanraya 1999. Manakala PAS dapat menambah bilangan kerusi Parlimen menjadi 27 kerusi Parlimen berbanding 7 dalam pilihanraya 1995 dan 1 kerusi dalam pilihanraya kecil tahun 1997.

Ternyata bahawa unsur yang signifikan mendorong rentak pemikiran politik Melayu kali ini kebanyakannya berkaitan dengan sentimen agama. Ini juga bermakna penerimaan masyarakat Islam terhadap kepimpinan ulama yang diperkuuh pula dengan gandingan golongan profesional semakin ketara. Sikap kepimpinan ulama PAS yang mendasarkan perjuangan kepada "kesyumulan Islam" semakin menarik minat masyarakat kepada PAS. Di samping itu, usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam oleh kerajaan sendiri telah membentuk suatu perspektif baru mengenai Islam di kalangan masyarakat Islam. Kesannya, masyarakat Melayu tidak lagi memahami Islam sebagai satu sistem kepercayaan yang bersifat dogmatik, tetapi terangkum di dalam sistem dan perundungan yang menyeluruh. Nilai-nilai inilah yang mencorakkan kerangka pemikiran sebahagian besar orang Melayu.<sup>44</sup> Ternyata bahawa usaha kerajaan itu sendiri sebaliknya telah membantu PAS meningkatkan pengaruh di kalangan masyarakat Islam.

Selain itu, tragedi 2 September 1998 turut membawa perubahan pemikiran dan sokongan politik kepada PAS. Pada tarikh tersebut, Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuat kuasa pada pukul 5.30 petang. Pemecatan ini telah menimbulkan kegawatan dan ketegangan politik dalam parti UMNO dan negara. Beberapa siri demonstrasi telah diadakan oleh kumpulan reformasi untuk menyokong Anwar Ibrahim. Akibatnya, sejak 21 September 1998 polis telah melakukan penahanan terhadap beberapa orang pensyarah, aktivis badan-badan sukarela (NGO) dan penunjuk perasaan yang sebahagian daripada mereka diletakkan di dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA).

Peristiwa ini telah mempengaruhi emosi masyarakat Islam supaya beralih memberi sokongan kepada pembangkang khususnya PAS. Pengaruh Anwar Ibrahim yang berada di dalam kerajaan selama 16 tahun dengan melakukan beberapa pembaharuan Islam dalam sosiobudaya masyarakat menyebabkan simpati dan sokongan pelbagai pertubuhan, anggota parti UMNO, anggota Barisan Nasional dan pelbagai lapisan masyarakat adalah tinggi yang akhirnya mula menyebelahi PAS. Kerana itu, Fadzil Nor dalam ucapan dasar Presiden di Muktamar PAS ke-45 pada 27 Jun 1999 memaklumkan bahawa selepas berlaku peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim,

<sup>44</sup> Muhammad Razak Idris, *Berita Harian*, 15 Januari, 2000.

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

penyertaan ahli baru PAS telah melebihi 100,000 orang menjangkau jumlah melebihi 600,000 orang. (Ucapan Dasar Presiden pada 27 Jun 1999). Abd. Rahim Saidin selaku Setiausaha Kerja PAS Pusat melaporkan bahawa anggaran keahlian keseluruhan PAS adalah melebihi 676,600 orang ketika itu.<sup>45</sup> Ini menunjukkan jumlah keahlian PAS yang tinggi dengan mengambil kira pengaruh parti ini hanya berkembang di Semenanjung Tanah Melayu sahaja.

Jelas bahawa pendekatan memberi sokongan secara terbuka kepada Anwar Ibrahim oleh Fadzil Nor sejak hari pertama pemecatan itu berlaku memberi kesan menguntungkan kepada PAS. Fadzil Nor yang pernah bersama dengan Anwar Ibrahim selama 10 tahun dalam ABIM yakin bahawa Anwar telah difitnah supaya karier politiknya tamat.<sup>46</sup> Pendirian dan pendekatan beliau ini kemudiannya membuka jalan kepada pembentukan sebuah badan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) pada 27 September 1998 yang diterajui oleh Fadzil Nor sendiri, Gagasan Demokrasi Rakyat (GAGASAN), sebuah gerakan reformasi yang dipimpin oleh aktivis pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Tian Chua dan Pergerakan Keadilan Rakyat (ADIL) yang dipimpin oleh Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.<sup>47</sup>

Selain PAS, ABIM dan JIM, GERAK mendapat sokongan 9 buah parti politik termasuk parti PRM dan DAP serta sokongan 16 buah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan.<sup>48</sup> GERAK telah mengambil beberapa langkah dengan mendesak dan menganjurkan perhimpunan besar-besaran menuntut supaya tahanan ISA dibebaskan. Hasil dari penubuhan itu, ternyata hubungan parti-parti pembangkang termasuk parti Keadilan Nasional yang baru ditubuhkan dan badan-badan NGO semakin kukuh lalu membentuk Barisan Alternatif bagi menentang parti Barisan Nasional dalam pilihan raya tahun 1999.

Peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim ini juga turut membuka ruang ulama PAS menjalin hubungan dengan pemimpin-pemimpin badan-badan gerakan Islam seperti ABIM dan JIM di dalam badan GERAK, walaupun mereka bersikap dingin antara satu sama lain sebelum itu.<sup>49</sup> Ketiga-tiga gerakan ini bergabung membentuk kembali sifat konfrontasi, kritikal dan *anti establishment* dengan pemerintah walaupun ABIM dan JIM pada ketika Anwar berada di dalam kerajaan mengambil pendekatan yang lebih

<sup>45</sup> Wawancara: 11 April 2000

<sup>46</sup> Majalah *Detik*, 15 Ogos 1999.

<sup>47</sup> Mohammad Syukri Salleh. Reformasi, Redikalisasi dan Kebangkitan Islam di Malaysia, dalam, *Pemikir*, April-Jun 2000, Utusan Melayu Berhad: Kuala Lumpur, hlm. 39.

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Badlihisham, *op.cit.*, 1999, hlm. 31-33.

bersifat akomodatif dan partisipatif. ABIM dan JIM pada zaman Anwar berada di dalam kerajaan memilih arus perdana sebagai medan perjuangan mereka dengan mempamerkan simpati dan kerjasama yang agak erat dengan pemerintah kerana yakin bahawa proses Islamisasi wajar dilakukan secara beransur-ansur. Sebaliknya PAS tetap mengekalkan pendekatan konfrontasi sesuai dengan dirinya sebagai sebuah parti politik pembangkang. Oleh kerana matlamat ketiga-tiga buah pertubuhan tersebut adalah sama iaitu untuk menegakkan Islam sebagai *al-din*,<sup>50</sup> maka perbezaan pendekatan kemudiannya diselaraskan daripada berbentuk dakwah dan politik kepada lebih berbentuk politik.<sup>51</sup>

Rentetan daripada kejadian itu juga nampaknya isu-isu mengenai keadilan politik, undang-undang, ekonomi dan sosial menjadi tema utama dibincangkan oleh PAS termasuk dalam Muktamar parti itu kali ke 45 pada 27 Jun 1999. Pendekatan sensitif dengan isu keadilan ini telah membawa kepada hubungan kerjasama yang semakin mantap antara PAS dengan pelbagai parti politik pembangkang dan NGO serta turut memberi kesan kepada kemasukan ramai cendekiawan Melayu menyertai parti ini.

### **b. Implikasi Pilihan Raya 1999 Kepada PAS di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia**

Prestasi PAS di Kedah pada pilihan raya tahun 1999 adalah tinggi. PAS telah memenangi 8 daripada 15 kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN. Sementara di Perlis, PAS berjaya menawan 3 kerusi DUN, di Pulau Pinang 1 DUN dan di Perak 3 DUN serta 1 Parlimen. Malahan jumlah undi yang diperoleh oleh Barisan Nasional di negeri-negeri ini jauh merosot berbanding tahun 1995. Manakala jumlah undi untuk PAS dan BA meningkat mendadak.<sup>52</sup>

Selain itu kesan jelas dalam pilihan raya ini ialah pada aspek calon-calon ulama yang mewakili PAS bagi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Di negeri Perlis, PAS meletakkan ulama terdiri daripada Dr. Abd. Aziz Hanafi, Ahmad bin Ali, kedua-duanya bekas pensyarah Universiti Brunei Dar al-Salam dan Hashim Jasin. Sementara di Kedah, muka baru tokoh agama ialah bekas Imam Besar Masjid Negara Taib Azamuddin Md Taib yang menewaskan calon Barisan Nasional, Bahador Shah Md Isa di kawasan parlimen Baling dengan majoriti 1,394 undi. Selain itu, tokoh ulama

<sup>50</sup> Mohamad Nor Monutty. (1988), "Perception of Social Change in Contemporary Malaysia: A Critical Analysis of ABIM's Role and Its Impact Among the Muslim Youth," Tesis Ph.D, Temple University, 1988, hlm. 78, 185; Badlihisham,*op.cit.*, 31.

<sup>51</sup> Muhammad Syukri, *op.cit.*, 2000, hlm. 44.

<sup>52</sup> Kamarudin Jaffar (2000). *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*, Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd, 2000, hlm. 26-27.

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

seperti Niamat Yusuf yang bertanding di Tanjung Seri selain daripada Azizan Razak, seorang bekas pensyarah pengajian Islam, UKM, Zawawi Ahmad, bekas pensyarah Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Malaya dan Fadzil Nor, selaku Presiden PAS. Di Pulau Pinang, PAS meletakkan Khazali Hussin, berkelulusan Universiti Nasional Indonesia dan merupakan Ketua Dewan Ulama PAS negeri. Manakala di Perak PAS antara tokoh ulama terkemuka ialah Ahmad Awang, bekas Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang bertanding di kawasan Parlimen Bagan Serai.

## IMPLIKASI PENGARUH ULAMA MEWAKILI PARTI UMNO

Parti UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei tahun 1946 merupakan sebuah parti nasionalisme Melayu yang berjaya mengetuai usaha menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris dan kemudian memimpin tumpuk pemerintahan negara hingga kini. Sejak ditubuhkan, parti ini telah pun mewujudkan sebuah biro agamanya. Walau bagaimanapun perlumbagaan UMNO, Fasal 3 telah menetapkan bahawa ia adalah sebuah parti progresif yang berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan.<sup>53</sup> Artikel 3 dalam Perlumbagaan UMNO pula menyebut bahawa Islam hanya diiktiraf sebagai agama rasmi negara. Ini bermakna parti ini tidak berhasrat untuk menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman menegaskan hal ini dengan terang dalam Parlimen pada tahun 1958 bahawa Islam hanya berperanan sebagai agama rasmi dan kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam.<sup>54</sup>

Hal kedudukan UMNO sebagai sebuah parti pragmatik tanpa sebarang ideologi yang pejal, yang digarap untuk menjadi dasar perjuangan<sup>55</sup> di samping hanya menamakan Islam sebagai agama rasmi sahaja telah tidak banyak menarik minat golongan ulama untuk berkecimpung dalam parti tersebut berbanding dengan parti PAS. Namun demikian, meskipun kurang penyertaan, masih lagi terdapat kalangan ulama yang menyertai UMNO dan seterusnya diberikan peluang bertanding dalam pilihan raya. Misalnya, dalam pilihan raya tahun 1999, UMNO juga meletakkan calon-calonnya yang terdiri daripada golongan agama atau ulama yang berkelulusan al-Azhar. Antara mereka ialah Dr. Abdul Hamid Othman (kawasan Parlimen Sik,

<sup>53</sup> Ahmad Kamar, *op.cit.*, 1984, hlm. 39.

<sup>54</sup> Ahmad Ibrahim, "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia," dalam Tun Suffian et.al (ed.), *The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 55.

<sup>55</sup> Abdul Razak Ayub, *Perpecahan Bangsa Melayu*, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1985, hlm. 53.

Kedah), Othman Ishak (kawasan DUN Jitra) dan Fadzil Hanafi (kawasan Tanjung Seri, Kedah). Jika perhatikan tampak bahawa penyertaan ulama di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia mewakili parti UMNO dalam pilihan raya kali ke-10 masih rendah. Hanya Negeri Kedah sahaja yang menampilkan calon yang terdiri dari tokoh ulama.

Sementara Negeri Perak, Pulau Pinang dan Perlis, UMNO masih tidak mengemukakan tokoh-tokoh ulama mewakili Barisan Nasional untuk bertanding dalam pilihan raya tahun 1999.

Implikasi kepada kekurangan penonjolan tokoh-tokoh ulama dalam UMNO, pengaruh PAS gagal disekat. Daripada sejumlah tokoh-tokoh ulama UMNO yang bertanding, hanya Othman Ishak dan Fadzil Hanafi sahaja yang menang dalam pilihan raya tersebut. Manakala Dr. Abdul Hamid Othman, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri ketika itu telah tewas. Kemerosotan menamakan calon dari golongan ulama dikatakan petanda parti itu kurang mendapat sokongan dari tokoh-tokoh ulama berbanding PAS.

Namun, kedudukan kurang calon ini tidak bermakna bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang tidak bersifat bergantung kepada ulama. Pada UMNO nampaknya sokongan dari ulama bukan diukur pada penyertaan mereka sebagai calon dalam pilihan raya sebaliknya sokongan adalah datang daripada ulama yang bekerja di jabatan-jabatan agama negeri dan di institusi-institusi kemajuan Islam peringkat kebangsaan. Sebab itu, UMNO tetap berpendapat bahawa sokongan daripada ulama masih lagi kukuh kepada parti tersebut.

Dengan jumlah ulama di jabatan-jabatan agama dan di institusi kemajuan Islam peringkat kebangsaan yang ramai, pada UMNO sudah cukup membuktikan bahawa parti ini masih mendapat sokongan dari para ulama berbanding dengan PAS yang terpaksa mengharapkan ulama yang terlibat secara langsung di dalam parti itu. Kedudukan tokoh agama yang memenangi pilihan raya seperti Fadzil Hanafi dan Dr. Othman Ishak kemudian dilantik menduduki dua portfolio penting bahagian pendidikan dan agama dalam pentadbiran kerajaan Kedah.

Jika ditinjau pada sudut pentadbiran, kekalahan UMNO itu sendiri membuka peluang lebih luas kepada ulama yang menyertai UMNO ini memainkan peranan menggubal pelbagai polisi dan dasar yang melibatkan pentadbiran Islam. Misalnya, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman terus dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang terlibat mengurus pelbagai dasar dan polisi mengenai Islam. Begitu juga dengan Nakha'ie Ahmad, bekas Naib Presiden PAS yang menyertai UMNO pada tahun 1989. Pada tahun 2000, beliau ditawarkan ke jawatan Pengerusi

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang membolehkan beliau menentukan pelbagai program melibatkan dakwah Islam. Manakala Dr. Othman Ishak di lantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah memegang portfolio pendidikan dan Fadzil Hanafi juga sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah memegang portfolio Hal Ehwal Agama Islam. Ternyata, penyertaan mereka menyebabkan mereka diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam urusan pentadbiran Islam dalam negeri dan negara.

Ulasan-ulasan di atas secara umum menunjukkan bahawa implikasi pengaruh ulama dalam politik parti PAS lebih menonjol berbanding parti UMNO. Alasan yang paling kukuh disebabkan faktor dasar parti PAS yang berlandaskan al-Qur'an dan Hadith lebih bersesuaian dengan aspirasi dan perjuangan para ulama. Demikian juga, beberapa persepsi mengenai isu-isu semasa sejak tahun 1997 mendapat reaksi daripada tokoh-tokoh ulama sehingga mereka mengambil sikap menentang UMNO dan Barisan Nasional secara terang-terangan. Misalnya, tindakan menangkap tiga peserta ratu cantik Melayu yang terbabit dalam "Miss Malaysia Petite" oleh Jabatan Agama Islam Selangor telah dikecam hebat akhbar harian Melayu. A. Nazri Abdullah dan Johan Jaaffar selaku Ketua Pengarang Berita Harian dan Utusan Malaysia pada 6 Julai 1997 mengecam cara penangkapan tersebut. Kecaman ini turut disokong oleh beberapa pemimpin kerajaan sendiri. Peristiwa tersebut akhirnya mengheret pertelingkahan dengan ulama termasuk Mufti Selangor, iaitu Ishak Baharom. Suasana ini menyebabkan ulama semakin lantang dan bertambah ramai tampil menyertai parti PAS.

Harus diakui bahawa kesan pengaruh PAS ini telah turut menyumbang kepada peningkatan sentimen agama yang bersifat "Islam syumul" ke dalam pemikiran masyarakat Islam. Cuma, penyertaan ulama dalam PAS ini masih lagi menyekat mereka untuk menjadi kelompok penggubal dasar, polisi dan program agama seperti yang mereka cita-citakan. Sebabnya, PAS masih gagal memerintah Malaysia atau sekurang-kurangnya negeri-negeri di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Berbanding ulama dalam parti UMNO, walaupun jumlah mereka kecil namun mereka terlibat secara langsung dalam membuat pelbagai program dan menggubal pelbagai polisi kerajaan yang melibatkan agama Islam. Malah, mereka ditawarkan jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan. Apa pun, yang jelas ialah implikasi pengaruh ulama institusi politik cukup menonjol terutama di Kedah dalam membangunkan sosiobudaya masyarakat Islam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

## ULAMA ABIM DAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Muhamad Abu Bakar,<sup>56</sup> seorang penganalisis mengenai kebangkitan Islam mengakui bahawa dakwah ABIM pada tahap awal penubuhannya berpengaruh dalam proses mengislamisasi banyak aspek dalam komuniti Melayu. Beliau memberikan alasan bahawa pengaruh ABIM di kalangan pelajar universiti dan kolej, pensyarah, pemimpin pemuda di dalam beberapa organisasi, pegawai muda dalam kerajaan dan lain-lainnya telah bertukar sikap daripada orientasi sekular kepada pemahaman Islam sepenuhnya seperti terkandung di dalam al-Qur'an dan Sunnah.

Fenomena memahami Islam sebagai al-Din ini turut berkembang di kalangan penuntut-penuntut Malaysia, terutama dalam bidang saintifik dan teknologi yang belajar di England, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia di mana hampir separuh daripada mereka memilih ABIM sebagai wahana di dalam aktiviti-aktiviti bercorak Islam. Muhamad Nor menyebut bahawa adalah dianggarkan seramai 50,000 orang ahli ABIM yang berdaftar dengan cawangannya meliputi 150 cawangan di seluruh negara termasuk di England, Amerika Syarikat, Mesir, Pakistan, Australia dan New Zealand.<sup>57</sup> Hingga akhir tahun 1999, ABIM telah memiliki keahlian berdaftar melebihi 60,000 orang. Sementara keahlian ABIM di Kedah sahaja melebihi 500 orang ahli dan di Pulau Pinang seramai 600 orang ahli. Manakala di Perlis keahlian ABIM adalah sekitar 230 orang.

ABIM sekitar tahun 1980an tidak lagi menganjurkan sikap konfrontasi dengan pemerintah, sebaliknya menumpukan kepada menganjurkan aktiviti bercorak pendidikan dan dakwah secara sederhana. Antara aktiviti pendidikan ialah mengadakan siri seminar pendidikan Islam ke seluruh negara di samping menerima jemputan daripada kerajaan, pihak swasta dan institusi-institusi tertentu untuk mengembangkan idea pendidikan Islam. Keadaan ini juga menampakkan para ulama dalam ABIM mula berkecimpung dalam pelbagai seminar dan ceramah dalam institusi-institusi tertentu bagi menyampaikan mesej Islam seperti yang diperjuangkan oleh ABIM. Antara mereka ialah Niamat Yusuf dan Azmi Ahmad dari Kedah.

Ulama ABIM pada peringkat awal adalah dalam bidang dakwah dan pada tahap ini peranan para ulama ABIM sebagai juru dakwah adalah besar. Para ulama ABIM telah memperkenalkan pendekatan usrah iaitu suatu kumpulan kecil yang dibentuk untuk memperkuat jemaah yang tentu berbeza pendekatan dengan para ulama tradisional yang masih menggabungkan identiti tradisi ilmu tradisional dengan kaedah berceramah.

<sup>56</sup> Muhamad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal - Satu Tafsiran Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 81.

<sup>57</sup> Muhamad Nor, *op.cit.*, 1988, hlm. 94

## Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Perubahan Pemikiran Politik Utara Semenanjung Malaysia

Justeru itu pendekatan ini lebih mudah diikuti oleh golongan muda yang berpendidikan tinggi tetapi kurang diterima di kalangan golongan tua dan masyarakat luar bandar, dibandingkan dengan pendekatan ulama tradisional dan ulama PAS. Tidak keterlaluan menyebut bahawa ABIM sama ada di utara Semenanjung Malaysia mahupun di negeri-negeri lain memulakan langkah awal menyusun kaedah tarbiyah dan dakwah melalui program usrah dan tamrin. Sehingga kini program usrah dan tamrinya lebih mantap berbanding dengan PAS sendiri.

Di utara Semenanjung Malaysia, ulama ABIM mengambil peluang memasuki hampir semua masjid untuk memperkenalkan Islam sebagai ad-din. Ulama ABIM mengadakan ceramah-ceramah agama di pelbagai tempat termasuk dalam jabatan-jabatan kerajaan dan kuliah agama di masjid-masjid.

Bagaimanapun apabila Anwar dipecat daripada kerajaan dan UMNO pada 2 September 1998, ABIM menarik balik sokongannya terhadap pemerintah, malah kembali kepada sifat berkonfrontasi, kritikal, *anti-establishment* dan akhirnya kembali radikal. <sup>58</sup> Sikap terbaru ABIM ini ditunjukkan melalui gabungannya dengan parti pembangkang membentuk Majlis Gerakan Keadilan Rakyat (GERAK). Malah, ABIM terlibat sekurang-kurangnya di dalam dua atau tiga gerakan reformasi yang lahir berikutan isu Anwar Ibrahim ini.

Lebih daripada itu, beberapa pemimpin tertinggi ABIM termasuk ulama ABIM memilih parti politik sebagai kaedah menyalurkan sikap mereka terhadap pemerintah. Misalnya, Presiden ABIM, Dr. Muhamad Nor Manutu (1991-1997), Setiausaha Agung ABIM, Anuar Tahir (1987-1993), pemimpin tertinggi dan ulama ABIM, Sheikh Azmi Ahmad, Dr. Ghazali Basri dan Ramli Ibrahim menyertai parti KeAdilan Nasional (PKN) di bawah pimpinan Dr. Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar Ibrahim. Manakala Niamat Yusuf, ahli Majlis Syura ABIM Pusat dan Yang Dipertua ABIM Kedah (1972-1978) serta Kamarudin Jaffar, Setiausaha Agung ABIM (1983-1987) menyertai PAS.

Jelas bahawa para ulama ABIM pada tahap kedua terpaksa mengikut rentak pemimpin ABIM yang lain iaitu mula memberi tumpuan kepada isu-isu politik berbanding dengan sikap kerjasama ketika Anwar di dalam UMNO. Demikian yang dapat dikatakan bahawa ABIM berubah mengikut rentak perubahan yang berlaku kepada Anwar Ibrahim. Sesuatu yang agak tertonjol ialah penglibatan ulama dalam kepimpinan ABIM turut berkurang pada tahap ini. Hal ini disebabkan ulama mahu bergerak di atas platform politik terutama selepas terjadi isu pemecatan Anwar Ibrahim. Saluran pilihanraya menjadi pilihan mereka. Justeru itu beberapa orang ulama ABIM sendiri turut mengisyiharkan diri menyertai PAS dan melepaskan jawatan mereka dalam ABIM.

<sup>58</sup> Muhammad Syukri, *op.cit.*, 2000, hlm. 38, 40.

## PENGLIBATAN ULAMA JAMAAH ISLAH MALAYSIA (JIM) DALAM POLITIK

Jamaah Islah Malaysia (JIM) adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang asalnya dikenali sebagai Islamic Representative Council (IRC) yang ditubuhkan di Brighton, United Kingdom sekitar tahun 1975.<sup>59</sup> Kemudiannya, pertubuhan ini didaftarkan sebagai Jamaah Islah Malaysia pada 27 Julai 1990. Saari Sungib, selaku Pengerusi Penaja dan Presiden JIM (1991-1999) menyebut bahawa rasionalnya JIM dinamakan sebagai jamaah “islah” kerana islah itu sendiri bermaksud “pembaikan” dan “perdamaian” yang menjadi tunjang utama JIM membawa tugas mengislahkan masyarakat.<sup>60</sup>

JIM memberi alasan bahawa dalam realiti sosioekonomi dan politik masa kini, usaha melaksanakan Islam mestilah menggunakan pendekatan *homeostatis*, iaitu “suatu proses yang dapat dilihat sebagai hukum Kawniyyah dan juga sebagai satu Sunnatullah.”<sup>61</sup> Pendekatan ini dapat diterjemahkan sebagai “membuatkan perubahan-perubahan positif dan konstruktif tanpa melemahkan prasarana kestabilan asas sistem dan persekitarannya.”<sup>62</sup>

Idea tentang *homeostatis* ini adalah hasil daripada idea yang pernah diutarakan oleh Claude Bernard, seorang ahli sains Perancis dengan istilah *milieu vital* dan kemudian *milieu interieur*. Claude Bernard dalam kajianya berkenaan persekitaran dalaman fisiologi kehidupan bernyawa melalui sel-sel tubuh haiwan dan manusia menyatakan bahawa “kestabilan relatif persekitaran dalaman membolehkan haiwan dan manusia hidup dalam persekitaran luar yang berubah-ubah.”<sup>63</sup>

JIM tidak berhasrat mengubah kekuatan asas yang sedia ada di kalangan orang-orang Islam di Malaysia. Kekuatan asas itu ialah usaha mengelakkan *de facto* ‘ketuanan Melayu Islam’ yang menjadi tunjang kepada kuasa politik dan pentadbiran orang-orang Melayu-Islam.<sup>64</sup> Namun kedudukan *de facto* ini bukannya matlamat,

<sup>59</sup> Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia Dakwah Among Student*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987, hlm. 27-29.

<sup>60</sup> Saari Sungib, *Pengislahan Masyarakat: Persiapan Menuju Abad 21*, Kuala Lumpur: Mahir Saujana (M) Sdn Bhd, 1991, 1-2.

<sup>61</sup> Saari Sungib, *Menempatkan Misi Pengislahan Dalam Transformasi Arus Perdana*, Kuala Lumpur: Prostecta Printers Sdn. Bhd, 1997, hlm. 25.

<sup>62</sup> Saari Sungib, *Mengerak Mengisi Aspirasi Unggul, Mengarusperdanakan Dinamisme Islam Dalam Anjakan Transformasi Orde Baru dan Disorde Baru Abad 21*, Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd, 1994, hlm. 12.

<sup>63</sup> Saari Sungib, 1997, *op.cit.*, hlm. 25.

<sup>64</sup> *Ibid.*, 1997, hlm. 30.

bahkan ia hanya merupakan wasilah untuk membolehkan usaha yang lebih mantap disusun bagi menjadikan kedudukan *de facto* itu berubah menjadi kedudukan *de jure* dalam menempatkan Islam sebagai pemerintah. Berasaskan model *homeostatis* ini JIM melaksanakan strategi Islahnya iaitu berjalan seiring secara permuafakatan strategik dengan pemerintah dan bukan bersaing atau menongkah arus perdana ummah.<sup>65</sup>

Kerana itu, di peringkat sebelum tahun 1999, JIM melihat senario politik Melayu-Islam dalam bentuk yang positif dan konstruktif, di mana kewujudan dua politik orang Melayu-Islam ini boleh membina sinergi ke arah pengukuhan kedudukan pemerintahan umat Islam negara ini. Dengan itu, JIM berpendapat sebarang usaha untuk meneguhkan kedudukan umat Islam ataupun nilai-nilai Islam dalam mana-mana parti Melayu-Islam dan juga nilai-nilai positif dan konstruktif dalam mana-mana parti politik akan disokong .

Namun, senario pemecatan Anwar Ibrahim dari kabinet dan UMNO mengubah sedikit strategi JIM. Jika sebelum itu, JIM menggunakan pendekatan “permuafakatan strategik” dengan pemerintah, namun selepas peristiwa pemecatan tersebut, JIM bukan sahaja telah membuat pernyataan dan pendirian politik yang jelas, tetapi secara terbuka menggerakkan ahlinya terlibat aktif dalam politik kepartian dan mengadakan pendekatan permuafakatan strategik dengan parti pembangkang dalam pilihan raya 1999. Kini, JIM meletakan proses pilihan raya sebagai satu wahana utama dalam program pengislahan masyarakat dan satu proses penting dalam menentukan dinamik kuasa negara. Saari dalam ucapan dasar tahun 1999, telah mengumumkan penglibatan JIM secara terbuka untuk membuat permuafakatan dengan GERAK dan GAGASAN.<sup>66</sup> Lonjakkan perubahan ini dipandang oleh Saari sebagai memperkaya pengalaman dan ke arah kematangan JIM menempuh masa hadapan, malah hal ini juga masih tetap selaras dengan kaedah *homeostatis*. Ketuanan Melayu yang dikatakan tetap dipertahankan mengikut kaedah *homeostatis* ini. Cuma, yang sedia ada dalam arus perdana akan cuba digantikan dengan yang baru melalui proses pilihan raya.

## KESIMPULAN

Implikasi pengaruh ulama terhadap hala tuju pemikiran politik masyarakat Islam wilayah utara Semenanjung Malaysia akhir abad ke-20 adalah tinggi dan bersifat menyeluruh. Selain berfungsi mempertingkatkan pemikiran agama masyarakat, mereka turut membawa suatu fahaman agama yang bersifat *al-Din*.

<sup>65</sup> *Ibid.*, 1997, hlm. 59.

<sup>66</sup> Saari Sungib, *Bersama Menggarap Erti Perjuangan*, Kuala Lumpur: Istiramai Enterprise Sdn. Bhd, 1999, hlm. 137.

Oleh kerana saluran politik lebih luas dalam memperjuangkan isu-isu agama maka sebahagian ulama memilih institusi politik terutama PAS dan UMNO. Sebahagiannya menganggotai ABIM, JIM dan Persatuan-persatuan Ulama. Implikasi penyertaan mereka dalam institusi politik jelas telah berjaya meningkatkan kesedaran politik Islam di kalangan masyarakat. Islam semakin difahami sebagai *al-Din* yang *syumul* dan muhul dijadikan sebagai dasar dalam perlembagaan negara. Manakala penyertaan ulama dalam parti UMNO membuka peluang untuk mereka menggubal dasar-dasar kerajaan agar dapat selaras dengan tuntutan agama. Masa depan dan hala tuju masyarakat Islam di Tanah Melayu ternyata dicerakkan oleh pemikiran ulama. Kesan dari pemikiran ulama bakal menjadi salah satu antara penyebab hala tuju politik masyarakat Islam seterusnya hala tuju politik negara dalam melangkah alaf baru ini.